

## **BAB LIMA**

### **PENUTUP**

#### **5.0 PENGENALAN**

Bab ini adalah bab terakhir yang akan merumuskan berkaitan pelaksanaan saham wakaf atau dikenali sebagai Saham Wakaf Selangor (SWS) oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menurut perspektif pengurusan Islam berdasarkan kajian yang telah dijalankan. Seterusnya, di dalam bab ini pengkaji akan mencadangkan beberapa perkara berkaitan pelaksanaan SWS ini sebagai usaha mempertingkatkan peranannya dalam memelihara kebajikan dan membangunkan ekonomi masyarakat Islam khususnya di Negeri Selangor. Dengan huraihan pada bab ini, pengkaji dapat memenuhi objektif yang kelima iaitu untuk mengemukakan cadangan-cadangan bagi memperkemaskan aspek pengurusan saham wakaf berdasarkan masalah-masalah dan cabaran-cabaran yang dihadapi.

#### **5.1 PENEMUAN UTAMA KAJIAN**

Hasil dari kajian ini, beberapa penemuan utama telah ditemui dan penemuan-penemuan tersebut adalah berkaitan perkara-perkara berikut :

##### **5.1.1 Saham Wakaf Dalam Islam**

Berwakaf dengan wang tunai adalah salah satu cara berwakaf yang telah diterima untuk diamalkan oleh masyarakat Islam dizaman ini. Ia bukan sahaja dapat memberi kemudahan kepada masyarakat untuk beramal ibadah, malah hasil yang diperolehi menerusi amalan ini dapat dikembangkan dengan lebih efisien dan lebih meluas.

Penemuan dari kajian ini, didapati bahawa wakaf yang berkonseptan wang tunai atau saham wakaf ini telah dibenarkan oleh syarak. Kebenaran ini adalah berdasarkan daripada pandangan ulama' yang berautoriti dengan mengemukakan hujah-hujah yang memperjelaskan kebolehan saham wakaf ini untuk diamalkan. Para ulama' telah melihat beberapa faktor yang membolehkan saham wakaf ini untuk diamalkan. Antara perkara yang menjadikan mereka bersepakat dalam mengharuskan saham wakaf ini adalah berdasar kepada maksud harta yang diwakafkan itu perlulah yang bernilai dan boleh memberi manfaat. Maka wakaf dengan cara wang tunai seperti saham wakaf ini juga adalah termasuk sebagai harta yang diharuskan tersebut. Seterusnya, berwakaf dengan saham wakaf ini menjadi amalan di sesetengah tempat khususnya di negara ini apabila ia diperkuuhkan melalui sokongan undang-undang serta peraturan yang berkuatkuasa seperti fatwa yang mengharuskannya oleh Majlis Fatwa Kebangsaan dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor sendiri.

### **5.1.2 Pelaksanaan Saham Wakaf Di MAIS**

Negeri Selangor sebagai contoh, saham wakaf yang dikenali sebagai Saham Wakaf Selangor (SWS) telah dilaksanakan dengan jayanya. MAIS dapat melaksanakan SWS dengan jayanya kerana sokongan daripada beberapa perkara seperti undang-undang yang berkuatkuasa, organisasi yang kemas yang diwujudkan, strategi pelaksanaan yang tersusun, kemudahan pelaksanaan yang lengkap dan lain-lain lagi. Seterusnya SWS yang dilaksanakan di MAIS tersebut mula mendapat kepercayaan masyarakat untuk menyertai ibadah wakaf dengan SWS ini. Melalui kutipan dana wakaf juga, MAIS telah berjaya menguruskannya termasuklah berhubung dengan pembangunan harta wakaf itu sendiri. Selain itu, MAIS juga telah berjaya membeli beberapa buah bangunan untuk diwakafkan seterusnya juga ia turut

menjadi aset wakaf yang dimiliki oleh umat Islam khususnya di Negeri Selangor. Akhirnya, matlamat SWS bagi meningkatkan dan memelihara ekonomi umat Islam melalui peningkatan dana wakaf dan memperbanyakkan aset wakaf di Negeri Selangor ini telah mula menampakkan hasil yang amat menggalakkan.

### **5.1.3 Elemen Pengurusan Islam Dalam Pelaksanaan SWS**

Salah satu perkara yang penting dalam SWS ini adalah dilihat melalui pelaksanaannya menurut perspektif pengurusan Islam. Didapati bahawa pihak pengurusan yang bertanggungjawab kepada pelaksanaan SWS ini di Negeri Selangor iaitu Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) telah melaksanakan pengurusan SWS ini menurut perspektif pengurusan Islam tersebut. Segala elemen yang ada dalam pengurusan Islam iaitu berkaitan sumber, falsafah, fungsi, prinsip dan matlamat telah dicernakan dalam setiap pengurusan SWS ini. Penerapan pengurusan Islam dalam pelaksanaan SWS ini nampak mudah lagi apabila PWS itu sendiri merupakan agensi yang berlatarbelakangkan imej Islam. Oleh itu, didapati elemen yang terdapat pada pengurusan Islam itu terlaksana dengan baik. Walaupun begitu, masih terdapat perkara-perkara tertentu yang perlu diberikan perhatian dalam pelaksanaan SWS ini. Antara perkara-perkara tersebut termasuklah berkaitan sumber manusia, latihan, infrastruktur dan lain-lain. Perkara-perkara ini akan dibincangkan dalam sub topik seterusnya dalam bab ini.

Akhirnya, dengan kajian ini didapati ia telah berjaya mencapai objektif yang ingin dicapai seperti yang dinyatakan dalam Bab 1 terdahulu<sup>1</sup>. Oleh itu, hasil kajian juga diharapkan dapat membantu pihak tertentu untuk melihat perkara-perkara

---

<sup>1</sup> Objektif kajian secara terperinci pada Bab 1, 8.

tertentu seterusnya dapat dijadikan rujukan bagi mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan.

## **5.2 CADANGAN**

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan ini, terdapat beberapa cadangan yang perlu diberikan perhatian dan boleh diambil tindakan berhubung dengan pelaksanaan SWS di MAIS. Cadangan-cadangan tersebut boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu cadangan kepada pihak pengurusan SWS dan cadangan kajian berkaitan pada masa akan datang.

### **5.2.1 Cadangan Kepada Pengurusan SWS**

Cadangan yang ingin diajukan kepada pihak pengurusan SWS hasil dari kajian ini adalah :

- a. Menetapkan perancangan jangka panjang dengan tempoh yang lebih jelas

Hasil dapatan kajian, didapati bahawa pihak PWS yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan SWS ini telah menentukan dua bentuk perancangan iaitu perancangan jangka pendek dan perancangan jangka panjang. Tempoh perancangan jangka pendek telah ditetapkan selama 3 tahun iaitu dari 2012 hingga 2015. Walau bagaimanapun tempoh perancangan jangka panjang dalam pelaksanaan SWS ini telah ditetapkan bermula dari 2015 hingga seterusnya. Oleh itu, didapati Pihak PWS tidak meletakkan satu tempoh tertentu untuk dicapai bagi perancangan jangka panjang tersebut. Ini menyukarkan PWS untuk melakukan tindakan lanjut yang berkaitan sekira perlu. Oleh itu, dicadangkan agar PWS meletakkan had tempoh tertentu bagi perancangan jangka panjang pelaksanaan SWS ini juga. Tujuannya adalah bagi memudahkan dan memberi fokus kepada PWS untuk mencapai

perancangan yang akan diatur. Selain itu, PWS juga boleh menyediakan plan perancangan strategik yang lebih berkesan untuk dijadikan rujukan kepada jabatan dan kakitangannya. Bukan itu sahaja, PWS juga dapat membuat analisa pencapaian pada tempoh yang ditentukan dan dapat membuat tindakan penambahbaikan dalam tempoh tertentu sekiranya terdapat kelemahan yang berlaku dalam pelaksanaan SWS.

b. Mengamalkan sistem pengurusan yang terpiawai

Sebagai salah satu agensi di bawah MAIS, PWS juga akan berurusan dengan pihak-pihak berkaitan dalam melaksanakan tugas dan fungsi-fungsinya. Agensi tersebut termasuklah agensi kerajaan dan agensi swasta. Oleh itu, salah satu perkara yang perlu dilaksanakan ada sistem pengurusan terpiawai yang telah juga diamalkan di sebahagian besar agensi kerajaan dan agensi swasta di negara ini. Sebagai langkah melakukan sistem yang lebih cekap dan berkesan, PWS juga perlu segera mengamalkan sistem-sistem pengurusan terpiawai ini seperti Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001 : 2008, 5S dan seumpamanya supaya PWS juga mampu bergerak seiring keperluan dan amalan semasa pihak-pihak berkaitan. Bukan itu sahaja, sekiranya pengamalan pengurusan terpiawai ini dapat diamalkan pada pengurusan PWS, ia akan memberi imej yang baik kepada PWS kerana akan menjadi salah satu institusi Islam yang mendapat pengiktirafan kualiti dan bakal menjadi *role model* pula kepada institusi Islam yang lain. Akhirnya, sekira perkara ini dapat dirialisasikan, PWS akan lebih dapat mencorakkan pelaksanaan fungsi yang ada dengan lebih mantap dan berkesan kepada semua pihak terutama sekali apabila pihak PWS sendiri telah meletakkan jenama korporat dalam urusan dan penampilan pada setiap perkara yang diuruskan.

c. Membangunkan sistem pangkalan data yang kemas dan tersusun

Sebagai pihak yang sentiasa berurusan dengan pihak-pihak luar yang berkepentingan, salah satu perkara yang perlu ada adalah sistem pangkalan data yang kemas dan berkesan. Ini dilihat sebagai salah satu perkara penting kerana sebagai pihak yang sentiasa berurusan terutama dengan orang awam, keberkesanan hubungan bersama pelanggan itu perlulah yang terbaik dan berkesan. Penyimpanan data tertentu sebagai rujukan pihak pengurusan PWS dan pihak pelanggan adalah salah satu kemudahan yang perlu disediakan, termasuklah dalam urusan SWS itu sendiri. Atas dasar keperluan, PWS perlu menentukan apa-apa jenis data yang perlu diwujudkan dan diselenggarakan dengan sebaik mungkin dalam memenuhi tanggungjawab dan memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan yang sering berurusan dengan PWS.

d. Mewujudkan sistem maklum balas pelanggan

Sebagai langkah penambahbaikan dan meningkatkan keberkesanan perkhidmatan kepada pelanggan, PWS perlu membangunkan satu sistem yang berkaitan untuk mendapatkan maklum balas dari pelanggan. Antara maklum balas yang perlu diperolehi adalah berkaitan keberkesanan hasil dari penerangan berkaitan SWS yang telah diberikan kepada semua pihak yang menjadi golongan sasar PWS. Untuk itu, PWS boleh mewujudkan apa-apa juga cara atau medium seperti melalui borang-borang khas atau melalui laman web yang ada untuk menerima pandangan dan maklum balas daripada pelanggan berkaitan perkara-perkara yang perlu dimaklumi oleh PWS. Selain perkara itu juga, PWS perlu melihat maklum balas lain yang diperlukan seterusnya membangunkan mekanisme maklum balas tersebut.

Perkara utama yang juga perlu diberikan tumpuan oleh PWS adalah penyelenggaraan sistem maklum balas yang telah dan akan diwujudkan. Ia perlu diselenggara dengan secara berterusan dan sentiasa membuat penambahbaikan yang perlu agar ianya benar-benar berfungsi dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh PWS.

e. Memberi latihan bagi meningkatkan kompetensi kakitangan

Sebagai sebuah agensi yang menyebarkan maklumat berkaitan bagi menarik minat masyarakat mengenali dan menyertai SWS , terdapat beberapa cara yang boleh dilakukan untuk tujuan tersebut. Salah satu caranya adalah melalui komunikasi atau secara pengucapan terbuka atau dikenali dengan istilah pengucapan awam. Sebagai kakitangan di Bahagian Pemasaran dan Dakwah PWS, pengucapan awam itu adalah salah satu kemahiran penting yang perlu ada kepada kakitangan di bahagian ini. Ini kerana salah satu tugas kakitangan di bahagian ini adalah untuk memberi penerangan berkaitan SWS kepada masyarakat khususnya di Negeri Selangor ini. Tanpa kemahiran yang ada pada diri penyampainya, kakitangan yang berkaitan tidak akan mampu untuk menjelaskan sejelas-jelasnya berkaitan SWS itu kepada kumpulan sasar. Perkara ini dilihat oleh pengkaji amat perlu ada pada kakitangan bahagian ini kerana terdapat pelbagai situasi yang dihadapi oleh kakitangan dalam memberi penerangan berkaitan SWS. Situasi tersebut termasuklah berdepan dengan berbagai peringkat dan golongan serta kadang kala masa yang diperuntukkan pula adalah singkat. Oleh itu kakitangan di Bahagan Pemasaran dan Dakwah PWS terutamanya perlu diberikan latihan khusus berkaitan pengucapan awam supaya mereka mampu untuk melaksanakan tugas memberi penerangan dalam pelbagai keadaan kepada pelbagai peringkat kumpulan sasar. Seterusnya, dengan kemahiran yang dimiliki

dapat meyakinkan masyarakat terhadap apa-apa maklumat SWS yang cuba untuk disampaikan.

f. Menyediakan forum rasmi berkaitan kebajikan kakitangan

Antara prinsip dalam pengurusan Islam itu adalah prinsip *al-hurriyyah* dan *al-'adalah* seperti yang telah dibincangkan di Bab 2 dalam kajian ini. Setiap organisasi yang mempunyai kakitangan perlu mendengar pandangan dan pendapat kakitangan mereka dalam sama-sama membantu meningkat imej dan menjaga kebajikan kakitangan di pejabat. Oleh itu, antara perkara yang perlu wujud adalah dengan menyediakan ruang yang sesuai untuk kakitangan dan pihak pengurusan memberi, menerima dan berkongsi pandangan. Selain itu, medium yang diwujudkan perlulah secara rasmi, terfokus dan disusuli dengan langkah-langkah susulan terhadap apa yang diusulkan. Oleh itu, PWS perlu menyediakan ruang atau forum yang lebih rasmi kepada kakitangan untuk memberi pandangan dan menyatakan pendapat mereka terutama berhubung dengan keperluan dan kebajikan kakitangan. Sebagai contoh dibentuk satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Majlis Bersama Jabatan seperti yang dilaksanakan di peringkat agensi-agensi kerajaan atau apa ju forum yang dinamakan dimana-mana peringkat yang beroperasi seumpamanya. Dengan ini akan dapat memberi ruang dan peluang kepada kakitangan dalam menyuarakan perkara berkaitan secara rasmi. Secara langsung mereka akan merasakan keberadaan mereka dalam menggerakkan dan memajukan serta dihargai oleh organisasi.

- g. Menyediakan ruang pejabat yang selesa dan kondusif

Dalam melaksanakan tugas yang penting seperti pelaksanaan saham wakaf ini, antara ciri-ciri yang menyokong kejayaannya adalah dengan wujudnya keselesaan ruang pejabat untuk beroperasi. Hasil kajian ini, didapati perkara ini perlu diberikan perhatian untuk kakitangan PWS yang melaksanakan urusan berkaitan SWS. Selain melancarkan urusan berkaitan dengan penyediaan ruang pejabat yang selesa dan sesuai, urusan berkaitan pelaksanaan SWS ini tidak lari daripada selalu dikunjungi oleh orang-orang luar yang perlu berurusan dalam hal-hal berkaitan. Oleh itu, selain ruang pejabat yang selesa perlu diwujudkan untuk kakitangan , perlu juga ruang-ruang tertentu untuk tempat melaksanakan urusan berkaitan bersama pelanggan berhubung SWS. PWS perlu menyediakan perancangan yang rapi untuk tujuan ini dengan mengambil kira pandangan dan fungsi yang perlu dilaksanakan terutama untuk memberi keselesaan dalam berurusan untuk semua pihak apabila berada di pejabat PWS.

### **5.2.2 Cadangan Kepada Kajian Akan Datang**

Merujuk kepada kajian yang telah dilakukan ini, ia adalah berkaitan pelaksanaan SWS yang dilihat berdasarkan pengamalan kepada elemen-elemen dalam pengurusan Islam seperti sumber, falsafah, fungsi, prinsip dan matlamat. Oleh itu, dengan kajian ini diharapkan dapat membuka ruang kepada pihak berkaitan dalam menyusuli kajian-kajian berikutnya dalam memantapkan lagi dapatkan khasnya berkaitan perlaksanaan saham wakaf di negara ini.

Berdasarkan kajian ini juga, diakui bahawa terdapat keterbatasan dalam membentang dan menyatakan perkara-perkara berkaitan SWS yang dilaksanakan di

Negeri Selangor ini. Oleh itu, antara kajian seterusnya yang boleh dilakukan adalah berkaitan keberkesanan pelaksanaan SWS dalam meningkatkan ekonomi dan harta umat Islam. Kajian tersebut boleh menjadikan kakitangan PWS dan para pewakaf sebagai fokus kajian bagi mendapatkan maklum balas berkaitan keberkesanan pelaksanaan SWS tersebut. Selain itu juga, dapatan-dapatan berbentuk statistik boleh dihasilkan sebagai bukti empirikal kajian. Dapatan sedemikian mampu untuk menghuraikan keadaan sebenar perkara yang ingin dikaji berhubung pelaksanaan SWS. Perkara ini dicadangkan kerana dengan melihat perkembangan berwakaf dengan wang tunai ini telah diterima sebagai amalan seterusnya telah mula mendapat tempat sebagai salah satu kaedah yang mempunyai potensi yang besar dalam meningkatkan ekonomi umat Islam khususnya di negara ini. Apabila kajian itu dapat dilakukan, ia akan dapat menjadi sebagai salah satu usaha lagi kearah memantapkan pelaksanaan saham wakaf yang menjadi sebagai salah satu kaedah berwakaf yang diamalkan di negara ini.

### **5.3 KESIMPULAN**

Sebagai kesimpulannya, pelaksanaan sesuatu perkara yang ada hubung kaitnya dengan ibadah kepada Allah s.w.t. itu perlulah dilaksanakan dengan sebaik-baiknya dan mengikut cara yang telah diberikan panduannya melalui agama yang telah diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w iaitu Islam itu sendiri. Perkara ini juga perlu diberikan perhatian kepada wakaf yang berbentuk wang tunai atau saham wakaf ini. Ini kerana kosep saham wakaf yang dilihat lebih terbuka dalam pelaksanaannya ini, sekira ianya tidak dipandu berdasar lunas-lunas atau cara yang diajar oleh agama Islam, ia ditakuti akan menyebabkan apa yang diamalkan akan menjadi sia-sia dan tidak mencapai matlamat dalam amalan berwakaf sebagai salah

satu ibadah yang telah disyariatkan oleh Allah s.w.t.. Oleh itu, kaedah yang terbaik dalam melaksanakan saham wakaf ini tidak lain dan tidak bukan perlu dilaksanakan menurut perseptif pengurusan Islam.